PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 24 (1) Jun 2020 (094-108)

Penguasaan Makna, Pembentukan dan Penggunaan Kata Adjektif Bahasa Jepun dalam Kalangan Pelajar Cina di Sebuah IPTA Malaysia

Ng Chwee Fang
chweefang@upm.edu.my

Universiti Putra Malaysia,Malaysia.

Tarikh terima : 25 Mac 2020
Received
Terima untuk diterbitkan : 27 Mei 2020
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 15 Jun 2020
Published online

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau penguasaan makna, pembentukan dan penggunaan kata adjektif bahasa Jepun dalam kalangan pelajar Cina di sebuah IPTA di Malaysia. Seramai 40 orang pelajar Cina yang mengikuti kursus kemahiran bahasa Jepun Tahap III dipilih sebagai responden kajian ini. Mereka merupakan pelajar Cina yang berlatar belakang bahasa Cina, iaitu berpendidikan di Sekolah Rendah Kebangsaan Cina apabila berada pada tahap sekolah rendah. Satu ujian yang terdiri daripada 30 soalan berbentuk objektif telah diberi kepada responden. Dalam ujian itu, terdapat 15 soalan yang pertama ditanya dalam tulisan gabungan Kanji (漢字) dengan Hiragana (ひらがな) manakala 15 soalan yang seterusnya ditanya dalam tulisan Hiragana (ひらがな) bahasa Jepun. Ini bertujuan untuk menguji penguasaan responden terhadap makna, pembentukan dan penggunaan kata adjektif bahasa Jepun dalam kedua-dua bentuk tulisan tersebut. Untuk tujuan tersebut, analisis Ujian T *(Paired Sample T-Test)* telah dijalankan. Setelah data kajian dianalisis dengan menggunakan Ujian T dalam program perisian SPSS, dapatan kajian telah menunjukkan tidak terdapatnya perbezaan yang signifikan antara menjawab soalan yang ditanya dalam kedua-dua bentuk tulisan tersebut dan responden adalah lemah dalam menjawab soalan-soalan ujian tersebut. Walau bagaimanapun, kelemahan responden dalam menjawab soalan dengan memilih makna, pembentukan dan penggunaan kata adjektif bahasa Jepun yang sesuai adalah berpunca daripada banyak faktor. Antara faktornya ialah responden keliru terhadap tulisan, sebutan dan makna kata adjektif kedua-dua bahasa. Responden juga kurang mahir dan keliru tentang peraturan-peraturan pola pembentukan dan cara penggunaan kata adjektif bahasa Jepun. Di samping itu, responden juga dipengaruhi oleh pemindahan negatif *(negative transference)* semasa mempelajari leksis kata adjektif bahasa Jepun. Ini berlaku kerana terdapatnya sesetengah kata adjektif bahasa Jepun memiliki tulisan bahasa Cina yang sama tetapi berbeza dari segi sebutan, makna, dan juga pembentukan dan penggunaannya.

Kata Kunci: penguasaan, makna, pembentukan dan penggunaan kata adjektif, bahasa Jepun, pelajar Cina

This study aimed to examine the semantic, formation and use of Japanese adjectives among Chinese students at a Malaysian public university. A total of 40 Chinese students who attended the Japanese Language Course Level III were selected as the respondents of this study. They are Chinese students who are based in Chinese language, who are educated at Chinese Primary School when they are in elementary school level. A test comprises of 30 objective questions was given to the respondents. In the test, the first 15 questions were asked in the combination of Kanji (漢字) and Hiragana (ひらがな),

then the next 15 questions were asked in Hiragana (ひらがな). It aimed to test respondents' proficiency in the semantic, formation and use of Japanese adjectives in both forms. For this purpose, Paired Sample T-Test was performed. After analyzing the survey data by using T test of the SPSS software program, the findings showed that there was no significant difference between answering the questions asked in both forms and the respondents were weak in answering the test questions. However, respondents are weak in answering the question by choosing the right meaning, proper form and use of Japanese adjectives was due to many factors. Among the factors, respondents were confused about the writing system, the sound and the meaning of the adjectives of both languages. Respondents were also less familiar and confused about the rules of the formation of the Japanese adjective. On top of that, respondents were also influenced by negative transference while learning the Japanese adjective lexicon. This is because of in certain cases, Japanese adjectives and Chinese adjectives mutually share the same Chinese characters but they are different in terms of pronunciation, meaning, as well as the word formation and its usage.

Keywords: Mastery, semantic, formation and use of adjectives, Japanese, Chinese students

---

1. Pengenalan

Pembelajaran bahasa asing merupakan pembelajaran bahasa-bahasa selain daripada bahasa ibunda. Pembelajaran bahasa asing amat digalakkan untuk tujuan berkomunikasi, bersosial, berniaga dan sebagainya. Antara bahasa-bahasa asing yang ditawarkan di IPTA Malaysia, bahasa Jepun merupakan salah satu pilihan yang agak *popular* dalam kalangan pelajar Cina. Secara umumnya, tahap penguasaan bahasa Jepun dalam kalangan pelajar Cina dikatakan lebih baik jika dibandingkan dengan pelajar bukan Cina. Ini kerana terdapat lebih daripada 70 peratus tulisan Kanji dalam bahasa Jepun berasal daripada tulisan aksara Cina (Yu, 2006).

Sementara itu, ada juga yang berpandangan bahawa semua bahasa utama dunia mempunyai sistem tatabahasa tersendiri dan berbeza dari sudut linguistiknya yang berkaitan dengan sistem fonologi, morfologi dan sintaksis (Norizan, 2019). Contohnya, pembentukan kata adjektif. Dalam bahasa Jepun, sejuk 冷しい (tsumetaii) dibentuk daripada tulisan *Kanji* 冷 dan diikuti dengan konjugasi しい. Konjugasi yang diikutinya akan berubah mengikut *form* (bentuknya) masing-masing. Dalam bahasa Cina pula, aksara Cina yang sama, 冷 (lěng) digunakan untuk menyifatkan keaadaan 'sejuk' tetapi 冷 (lěng) boleh berdiri sebagai kata bebas dan tidak berkonjugasi. Ciri morfologi atau pembentukan kata tersebut merupakan salah satu perbezaan ciri-ciri bahasa *Agglutinative* (bahasa Jepun) dengan bahasa *Isolative* (bahasa Cina).
Jadi, sejauh manakah pengetahuan bahasa Cina membantu pelajar Cina dalam penguasaan makna, pembentukan dan penggunaan kata adjektif bahasa Jepun?

2. Sorotan Literatur

Liu Rong (2011) telah menjalankan kajian ke atas 43 orang pelajar China yang mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa asing di salah sebuah universiti di China. Sejumlah 645 sampel karangan telah dipungut sepanjang pengajian mereka. Ini adalah bertujuan untuk mengkaji dan membuat analisis terhadap penggunaan kata adjektif - na（な- 形容詞 *na-keyoushi*）Jepun dalam kalangan pelajar China di universiti tersebut. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa pelajar cenderung membuat kesilapan seperti penambahan konjugasi, pengguguran konjugasi dan juga penyalahgunaan konjugasi kata adjektif. Menurut Liu, kesilapan-kesilapan ini adalah berpunca daripada pemindahan negatif *(negative transference)* bahasa ibunda mereka.

Sementara itu, Lin Mengya (2017) pula membuat kajian terhadap pemerolehan struktur kata adjektif-predikat Jepun dalam kalangan pelajar China di negara China. Sejumlah 506 sampel karangan telah dipungut dari 22 orang pelajar yang mengikuti Program Bahasa Jepun di Hunan University sepanjang pengajian mereka. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, kekerapan penggunaan struktur kata adjektif-predikat Jepun amat tinggi dalam kalangan pelajar China. Kadar penggunaan terhadap struktur kata adjektif tersebut semakin menurun apabila pelajar memasuki semester yang ketiga. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar cenderung membuat kesilapan bagi struktur kata adjektif tersebut dalam karangan mereka semasa mereka berada pada semester pertama dan semester kedua. Menurut Lin, antara faktornya ialah pelajar-pelajar keliru dengan ayat dan perbendaharaan kata yang disebabkan oleh pemindahan bahasa ibunda. Mereka cenderung

mencampuradukkan tulisan Cina yang digunapakai dalam kedua-dua bahasa tersebut. Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kesilapan penggunaan kata adjektif bahasa Jepun oleh pelajar China adalah disebabkan oleh strategi menghafal dan penggunaan kata yang tidak betul.

Di samping itu, Ng (2019) telah menjalankan kajian ke atas 40 orang pelajar Cina yang mengikuti Kursus Kemahiran Bahasa Jepun Tahap III di sebuah ITPA di Malaysia. Kajian tersebut dijalankan bertujuan untuk meninjau penguasaan sebutan kata adjektif bahasa Jepun dalam kalangan pelajar Cina di institusi tersebut. Satu ujian menulis telah diberi kepada responden untuk menterjemahkan kata adjektif bahasa Inggeris kapada bahasa Cina dan bahasa Jepun. Untuk membanding sebutan kedua-dua bahasa Cina dan bahasa Jepun, responden dikehendaki menulis jawapan dalam sebutan 汉语拼音 (Hànyǔ Pīnyīn) bagi bahasa Cina manakala sebutan ローマ字(Romaji) bagi bahasa Jepun. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa keputusan responden bagi menjawab dalam sebutan bahasa Jepun adalah lemah jika dibanding dengan menjawab dalam sebutan bahasa Cina. Dapatan kajian tersebut juga telah menunjukkkan bahawa pengetahuan bahasa Cina tidak membantu pelajar Cina dalam pembalajaran bahasa Jepun seperti yang dijangkakan. Malahan, perbezaan sebutan yang terdapat dalam kedua-dua bahasa tersebut telah menyebabkan berlakunya pemindahan negatif semasa mempelajari sebutan kata adjektif bahasa Jepun oleh pelajar Cina (Ng, 2019:1).

Dapatan kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa tahap penguasaan kata adjektif bahasa Jepun dalam kalangan pelajar yang berlatar belakang bahasa Cina tidak sebaik seperti yang dijangkakan. Kajian-kajian tersebut juga telah menunjukkan pemindahan negatif *(negative transference)* semasa mempelajari kata adjektif bahasa Jepun oleh pelajar yang berlatar belakang bahasa Cina.

Sebagai pengisian lompang penyelidikan yang sedia ada, kajian ini berfokus kepada penguasaan makna, pembentukan dan penggunaan kata adjektif bahasa Jepun pelajar Cina di sebuah ITPA di Malaysia. Pemungutan kajian ini juga lain daripada Liu (2011) dan Lin (2017) di mana satu ujian yang berbentuk objektif yang berdasarkan format soalan penilaian JLPT *(Japanese Language Proficiency Test)* telah diberi kepada responden. Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu:
1.Menghuraikan dan menjelaskan ciri-ciri yang membezakan kata adjektif bahasa Jepun dan bahasa Cina dari segi makna, pembentukan dan penggunaan.
2.Menghubungkaitkan Teori Pemindahan *(transference)* Lado dengan pembelajaran kata adjektif bahasa Jepun oleh pelajar Cina.

3. Metodologi

Dalam kajian ini, seramai 40 orang pelajar Cina di sebuah institusi pengajian tinggi awam Malaysia yang mengambil kursus kemahiran bahasa Jepun III (BBJ2403) telah dipilih sebagai responden kajian. Responden adalah terbatas kepada pelajar Cina yang berlatar belakang bahasa Cina dan telah mengikuti kursus kemahiran bahasa Jepun di IPTA tersebut selama 3 semester. Satu ujian yang terdiri daripada 30 soalan berbentuk objektif yang berdasarkan format soalan penilaian JLPT telah diberi kepada responden. Dalam ujian itu, terdapat 15 soalan yang pertama ditanya dalam tulisan gabungan Kanji (漢字) dengan Hiragana (ひらがな) manakala 15 soalan yang seterusnya ditanya dalam tulisan Hiragana (ひらがな) bahasa Jepun. Ini bertujuan untuk menguji penguasaan responden terhadap makna, pembentukan dan penggunaan kata adjektif bahasa Jepun dalam kedua-dua bentuk tulisan tersebut. Untuk tujuan ini, Ujian T (Paired Sample T-Test) digunakan dan perbandingan yang dibuat melalui Ujian T adalah seperti dalam perbincangan dapatan kajian.

4. Analisis Data Dan Dapatan Kajian

Untuk mengenal pasti dan menilai pengetahuan responden dalam aspek makna, pembentukan dan penggunaan KA bahasa Jepun, bilangan kesilapan jawapan responden telah dihitung seperti yang ditunjuk dalam Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan kesilapan jawapan responden dalam penguasaan KA bahasa Jepun dari segi makna, pembentukan dan penggunaan (N = 40)

Bilangan kesilapan jawapan	1 - 5	6 - 10	11 - 15	Min	Sp
	Makna, pembentukan dan penggunaan KA bahasa Jepun (soalan dalam tulisan gabungan Kanji dan Hiragana)				

Bil responden	7	31	2		
(%)	17.5	77.5	5	6.80	2.19
	Makna, pembentukan dan penggunaan KA bahasa Jepun (soalan dalam tulisan Hiragana sahaja)				
Bil responden	20	15	5		
(%)	50	37.5	12.5	5.88	3.12

Jadual 1 memperlihatkan butiran terperinci tentang keputusan 40 orang responden dalam menjawab soalan objektif bagi bahagian makna, pembentukan dan penggunaan KA bahasa Jepun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat paling ramai responden, iaitu 31 orang (77.5%) responden dalam kategori kesilapan jawapan antara 6 hingga 10 bagi ujian yang ditanya dalam tulisan gabungan *Kanji* dengan *Hiragana*. Manakala bagi ujian yang ditanya dalam tulisan *Hiragana* pula, kategori kesilapan jawapan antara 1 hingga 5 mencatat bilangan responden yang paling ramai, iaitu 20 orang (50%).

Untuk menentukan sama ada terdapatnya perbezaan yang signifikan antara ujian makna, pembentukan dan penggunaan KA bahasa Jepun dalam kedua-dua jenis tulisan tersebut, analisis *Paired Sample T-Test* telah dijalankan seperti yang ditunjuk dalam Jadual 2.

Jadual 2: T-Test untuk perbandingan makna, pembentukan & penggunaan KA bahasa Jepun dalam 2 jenis tulisan yang berbeza (N = 40)

Makna, pembentukan & penggunaan KA	Min	T	Sp (p)	Kesimpulan
Tulisan gabungan *Kanji* & *Hiragana*	6.80	1.91	0.06	Tiada perbezaan signifikan
Tulisan *Hiragana*	5.88			

Setelah diuji dengan *Paired Sample T- Test*, didapati bahawa fenomena perbezaan ketara ($p < 0.05$) tidak berlaku pada keputusan ujian makna, pembentukan dan penggunaan yang ditanya dalam gabungan tulisan *Hiragana* dengan *Kanji* dan tulisan *Hiragana*. Pasangan ujian makna, pembentukan dan penggunaan KA dalam kedua-dua jenis tulisan tersebut merupakan satu-satunya pasangan yang tidak menunjukkan perbezaan signifikan dalam keputusan *Paired Sample T- Test,* iaitu nilai $p = 0.06$ ($p > 0.05$). Ini bermakna **tiada** perbezaan yang ketara antara kedua-dua keputusan responden dalam menjawab soalan makna, pembentukan dan penggunaan KA bahasa Jepun baik dalam tulisan gabungan *Hiragana* dengan *Kanji* ataupun tulisan *Hiragana.*

T-Test telah menunjukkan min bagi bilangan kesilapan jawapan bagi ujian makna, pembentukan dan penggunaan KA yang ditanya dalam tulisan gabungan *Hiragana* dan *Kanji* adalah (6.80), iaitu lebih tinggi daripada min bagi bilangan kesilapan jawapan bagi ujian makna, pembentukan dan penggunaan KA yang ditanya dalam tulisan *Hiragana*, iaitu (5.88). Ini bermakna secara keseluruhannya, daripada 10 soalan yang ditanya, responden gagal menjawab 7 soalan dengan betul bagi ujian makna, pembentukan dan penggunaan KA yang ditanya dalam tulisan gabungan *Kanji* dengan *Hiragana* manakala 6 soalan bagi ujian makna, pembentukan dan penggunaan KA yang ditanya dalam tulisan *Hiragana.*

5. Perbincangan

Seperti yang ditunjukkan dalam dapatan kajian, responden adalah lemah dalam menjawab soalan ujian bagi kedua-dua bentuk tulisan tersebut. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara bagi keputusan ujian responden antara soalan makna, pembentukan dan penggunaan KA bahasa Jepun yang ditanya dalam tulisan *Hiragana* dan tulisan gabungan *Kanji* dengan *Hiragana*. Daripada 10 soalan yang ditanya, responden gagal menjawab 7 soalan dengan betul bagi ujian makna, pembentukan dan penggunaan KA yang ditanya dalam tulisan gabungan *Kanji* dengan *Hiragana* manakala 6 soalan bagi ujian makna, pembentukan dan penggunaan KA yang ditanya dalam tulisan *Hiragana.* Perbezaan bilangan kesilapan jawapan responden bagi kedua-dua ujian itu adalah 1 soalan sahaja. Ini bermaksud sama ada soalan ujian ditanya dalam tulisan gabungan *Kanji* dengan *Hiragana* ataupun dalam tulisan *Hiragana*, responden **tetap** agak lemah dalam menjawabnya walaupun

telah mengikuti kursus bahasa Jepun selama 3 semester. Sebaliknya, perbezaan makna, pembentukan dan penggunaan kata adjektif kedua-dua bahasa tersebut telah menyulitkan pembelajaran kata adjektif bahasa Jepun dalam kalangan pelajar Cina. Perbezaan makna, pembentukan dan penggunaan kata adjektif kedua-dua bahasa tersebut dapat dilihat seperti di bawah.

Kata adjektif bahasa Jepun bersifat konjugasi

KA bahasa Jepun merupakan golongan kata yang bebas berkonjugasi dengan bentuk-bentuk tertentu untuk memberi maksud yang tertentu. Bahagian penambahan kepada KA bahasa Jepun akan berubah-ubah bergantung kepada sama ada ayat itu berterusan atau berakhir. Namun, ciri-ciri tersebut tidak berlaku pada KA bahasa Cina. (Qiu, 2007). Terdapat 2 jenis KA bahasa Jepun seperti yang berikut:

i. Kata adjektif – i （い- 形容詞 *i-keiyoushi*）

Kata adjektif – i biasanya terdiri daripda KA yang berakhir dengan い , i. Contohnya, 'sejuk' disebut sebagai (samui) , iaitu 寒い dalam tulisan gabungan Kanji dan Hiragana manakala さむい dalam tulisan Hiragana.

Kata adjketif – i *(stem)* akan berkongjugasi dengan bahagian tertentu untuk memberi bentuk yang berbeza-beza dan membawa maksud yang berlainan seperti yang ditunjuk dalam Jadual 3.

Jadual 3: Konjugasi kata adjektif – i bahasa Jepun

Kata adjektif – i （い- 形容詞 ***i-keiyoushi***）	Konjugasi 寒い (samu**i**) = sejuk	
Bentuk kamus	寒い	samui
Bentuk negatif	寒くない	samu***kunai***
Bentuk kala lampau	寒かった	samu***katta***
Bentuk negatif kala lampau	寒くなかった	samu***kunakatta***
Bentuk adverba	寒く	samu***ku***
Bentuk - te	寒くて	samu***kute***
Bentuk andaian	寒ければ	samu***kereba***
Bentuk kata nama	寒さ	samu***sa***

ii. Kata adjektif - na（な- 形容詞 *na-keyoushi*）

KA yang tidak berakhir dengan dengan な , na adalah kata adjektif - na. Kata adjketif – na (stem) akan berkonjugasi dengan bahagian tertentu untuk memberi bentuk yang berbeza-beza dan membawa maksud yang berlainan seperti yang ditunjuk dalam Jadual 4.

Jadual 4: Konjugasi kata adjektif – na bahasa Jepun

Kata adjektif – na （な- 形容詞 ***na-keiyoushi***）	Konjugasi 静かな (shizuka **na**) = sunyi, senyap	
Bentuk kamus	静か	shizuka
Bentuk negatif	静かない	shizuka***nai***
Bentuk kala lampau	静かだった	shizuka***dattta***
Bentuk negatif kala lampau	静かじゃなかった	shizukajya***nakatta***
Bentuk adverba	静かな	shizuka***na***
Bentuk - te	静かで	shizuka***de***
Bentuk andaian	静かならば	shizuka***naraba***
Bentuk kata nama	静かさ	shizuka***sa***

Penambahan partikel bagi kata adjektif bahasa Jepun

Seperti yang diterangkan, KA bahasa Jepun terdiri daripada kata adjektif – i （い- 形容詞 *i-keiyoushi*） dan juga kata adjektif - na（な- 形容詞 *na-keyoushi*） . Oleh yang demikian, partikel yang diikutinya bergantung kepada jenis KA masing-masing. Contohnya, 静かな道 (shizuka na michi) bermaksud "jalan yang sunyi". Dalam klausa ini, partikel な(na) diikuti di belakang KA 静か (shizuka, iaitu sunyi) dan tidak boleh digugurkan agar menjadi 静か道 (shizuka michi). Bagi kata adjektif – i （い- 形容詞 *i-*

keiyoushi） pula, kata adjektif – i diikuti dengan partikel の(no). Contohnya, 難しいの問題 (muzukashii no mondai) bermaksud “soalan yang susah”. Dalam klausa ini, partikel の(no) harus diikuti di belakang KA 難しい(muzukashii, iaitu susah).

Dalam bahasa Cina pula, partikel bagi kata adjektif ialah 的 (de). Contohnya “anak yang comel”, 可爱的孩子(kě’ ài de háizi). Partikel 的 (de) biasanya menggabungkan kata adjektif yang mempunyai dua suku kata dengan kata nama seperti contoh yang diberi di atas, 可爱的孩子(kě’ ài de háizi) di mana “comel” 可爱 (kě’ ài) merupakan kata adjektif yang mempunyai dua suku kata. Partikel 的 (de) juga menggabungkan kata adjektif yang mempunyai satu suku kata dengan kata nama. Contohnya “epal yang besar”, 大的苹果(dà de píngguǒ), di mana “besar”, 大(dà) merupakan kata adjektif yang mempunyai satu suku kata. Akan tetapi, partikel 的 (de) juga boleh digugurkan apabila kata nama bergabung dengan kata adjektif yang mempunyai satu suku kata, contohnya “epal yang besar”, 大苹果(dà píngguǒ).

Perbezaan tulisan Kanji Jepun dengan tulisan Hanzi Cina bagi kata adjektif yang sama

Contoh perbezaan tulisan Kanji Jepun dengan tulisan Hanzi Cina bagi kata adjektif yang sama seperti yang ditunjuk pada Jadual 5.

Jadual 5: Perbezaan Tulisan Kanji Jepun Dengan Tulisan Hanzi Cina

Kata Adjektif	Bahasa Jepun		Bahasa Cina	
	Tulisan Kanji (Traditional Chinese)	Sebutan dalam Romaji	Tulisan Hanzi (Simplified Chinese)	Sebutan dalam Hanyu Pinyin
panas	熱い	atsui	热	rè
mudah	簡単[な]	kantan[na]	简单	jiǎndān
ringan	軽い	karui	轻	qīng
dingin	涼しい	suzushii	凉	liáng
susah	難しい	muzukashii	难	nán
hitam	黒い	kuroi	黑	hēi
cantik	美しい	utsukushii	美；美丽	měi；měilì

KA “panas” ditulis sebagai 熱い(atsui) dalam bahasa Jepun manakala ditulis sebagai 热(rè) dalam bahasa Cina. Aksara Cina yang digunakan dalam kedua-dua bahasa tersebut adalah 2 jenis tulisan yang berbeza di mana tulisan *Traditional Chinese* digunakan dalam bahasa Jepun manakala tulisan *Simplified Chinese* digunakan dalam bahasa Cina. Di samping itu, pembentukan kata adjektif kedua-dua bahasa tersebut juga adalah berbeza. Contohnya, kata adjektif “panas” . Dalam bahasa Jepun, 熱い(atsui) dibentuk daripada gabungan tulisan Kanji, iaitu 熱 dan konjugasi い manakala kata adjektif bahasa Cina hanya terdiri daripada satu kata bebas, iaitu 热(rè).

Konsep semantik yang berlainan bagi tulisan yang serupa/ agak sama dalam kedua-dua bahasa

Contoh konsep semantik yang berlainan bagi tulisan yang serupa/ agak sama dalam kedua-dua bahasa seperti ditunjuk pada Jadual 6.

Jadual 6: Konsep semantik yang berlainan bagi tulisan yang serupa/ agak sama dalam kedua-dua bahasa.

Bahasa Jepun		Bahasa Cina	
Tulisan Kanji (Traditional Chinese)	Konsep semantik	Tulisan Hanzi (Simplified Chinese)	Konsep semantik
高い	mahal	**高**	tinggi
熱い	(minuman) panas	**热**;炎热	(cuaca) panas
大丈夫	keadaan baik/ tiada bermasalah	**大丈夫**[KN]	lelaki / lelaki bermaruah
勉強 [KK]	Belajar	**勉强**[KK]	enggan/ terpaksa

Contohnya, perkataan “mahal”. Perkataan “mahal” disebut sebagai 高い (takai) dalam bahasa Jepun manakala disebut sebagai 贵 (guì) dalam bahasa Cina. Walau bagaimanapun, perkataan 高 juga terdapat dalam bahasa Cina, iaitu 高 (gāo) ， tetapi 高 (gāo) hanya membawa maksud “tinggi” dalam bahasa Cina. “Buku itu sangat mahal” akan disebut sebagai “あの本はとても高いです。(Ano hon wa totemo takai desu.)” dalam bahasa Jepun manakala disebut sebagai “那书很贵。(nà shū hěn guì) ” dalam bahasa Cina. Ia tidak boleh disebut sebagai “那书很高。(nà shū hěn gāo) ” dalam bahasa Cina kerana “ 那书很高。(nà shū hěn gāo) ” akan membawa maksud sebagai “Buku itu sangat tinggi”.

Kesilapan Responden

Seperti yang ditunjukkan dalam dapatan kajian, responden bukan sahaja lemah dalam menjawab soalan dengan memilih makna, pembentukan dan penggunaan KA bahasa Jepun yang ditanya dalam tulisan gabungan *Kanji* dengan *Hiragana*, malahan lemah dalam ujian yang ditanya dalam tulisan *Hiragana.* Kelemahan responden dalam menjawab soalan dengan memilih makna, pembentukan dan penggunaan kata adjektif bahasa Jepun yang sesuai disebabkan oleh banyak faktor. Antara faktornya ialah:

i. Responden keliru terhadap tulisan, sebutan dan makna kedua-dua bahasa.
ii. Responden kurang mahir dan keliru tentang peraturan-peraturan pola pembentukan dan cara penggunaan kata adjektif bahasa Jepun.
iii. Di samping itu, responden juga dipengaruhi oleh pemindahan negatif *(negative transference)* semasa mempelajari leksis kata adjektif bahasa Jepun. Ini berlaku kerana terdapatnya sesetengah kata adjektif bahasa Jepun memiliki tulisan bahasa Cina yang sama tetapi berbeza dari segi sebutan, makna, dan juga pembentukan dan penggunaannya.

Berdasarkan ujian yang ditanya dalam gabungan tulisan *Kanji* dengan *Hiragana*, kesilapan-kesilapan responden dapat dianalisi dan dirumuskan seperti yang ditunjuk dalam Jadual 7.

Jadual 7: Kesilapan jawapan responden dalam makna, pembentukan dan penggunaan KA bahasa Jepun (gabungan tulisan *Kanji* dengan *Hiragana*)

No	Maksud	Tulisan		Jawapan betul	Kesilapan jawapan responden disebabkan oleh
		漢字(Kanji) / gabungan 漢字(Kanji) +ひらがな (Hiragana) dalam BJ	汉字 (h?nzK) dalam B. Cina		
1.	tidak susah, senang	簡単 (tulisan TC)	简单	b) 簡単でした (dalam bentuk kala lampau)	1. Kekeliruan terhadap tulisan, sebutan dan makna kedua-dua bahasa. a) 简单でした- tidak terdapat dalam KABJ c) 简単でした- tidak terdapat dalam KABJ d) 簡单でした- tidak terdapat dalam KABJ
2.	keadaan ‘alright, ok’	大丈夫	Tiada KABC yang sepadan untuk ‘keadaan alright, ok’ ini tetapi biasanya digunakan dengan kata kerja, ‘没事 (mEishK)’ yang bermaksud ‘tidak mengapa. ’ ‘大丈夫 (d?zh?ngfu) ’ pula membawa maksud ‘lelaki atau lelaki bermaruah’ dalam BM.	a) 大丈夫	1. Kekeliruan terhadap tulisan, sebutan dan makna kedua-dua bahasa. b) 大夫丈- tidak terdapat dalam KABJ c) 太丈夫- tidak terdapat dalam KABJ d) 太夫丈- tidak terdapat dalam KABJ
3.	laju (kelajuan kereta api)	速い	速 - laju 急 - deras(air) 快 - cepat	b) 速い	1. Kekeliruan terhadap tulisan, sebutan dan makna kedua-dua bahasa. a) 早い - ‘awal (masa)’ - sebutan sama dengan 速い, *hayai*. c) 急いで- cepat d) 快い - tidak terdapat dalam KABJ
4.	dingin (cuaca)	涼しい	凉 - dingin	a) 涼しい	1. Kekeliruan terhadap tulisan, sebutan dan makna kedua-dua bahasa.

			冷 - sejuk		b) 冷い - sejuk (minuman) c) 暑い - panas (cuaca) d) 暖い - bahang (cuaca), panas/ *'warm'* (cuaca, badan)
5.	panas (minuman)	熱い	热 - panas (cuaca) 温 - suam (air)	b) 熱い	1. Kekeliruan terhadap tulisan, sebutan dan makna kedua-dua bahasa. a) 暖かい - bahang (cuaca), panas / *warm* (cuaca, badan) b) 熱い - panas (cuaca / air) c) 温かい - suam (air) d) 暑い - panas (cuaca)
6.	manis	甘かったです	甘 - manis 甜 - manis Perkataan tersebut mempunyai makna yang hampir sama tetapi sebutan yang berbeza dan juga penggunaan kata yang berlainan.	a) 甘かったです (dalam bentuk kala lampau)	1. Kekeliruan terhadap tulisan, sebutan dan makna kedua-dua bahasa. 2. Tidak tahu pola pembentukan KABJ. b) 甜かったです- tidak terdapat dalam KABJ c) 甘いかったです- pembentukan KA yang salah d) 甜いかったです- tidak terdapat dalam KABJ
7.	(bilik / ruang) luas	広い	宽 - (bilik/ ruangan) besar, lapang 广 - luas, lapang 阔 - luas, lapang Perkataan tersebut mempunyai makna yang hampir sama tetapi sebutan yang berbeza dan juga penggunaan kata yang berlainan.	d) 広い	1. Kekeliruan terhadap tulisan, sebutan dan makna kedua-dua bahasa. a) 宽い - tidak terdapat dalam KABJ b) 广い - tidak terdapat dalam KABJ c) 阔い - tidak terdapat dalam KABJ

8.	susah	難しいです (tulisan TC)	难 - susah 艱 - susah (tulisan TC) 難 - susah (tulisan TC) 睢 - nama tempat (wilayah Henan, China)	c) 難しいです	1. Kekeliruan terhadap tulisan, sebutan dan makna kedua-dua bahasa. a) 睢しいです- tidak terdapat dalam KABJ b) 艱しいです- tidak terdapat dalam KABJ d) 难しいです- tidak terdapat dalam KABJ
9.	duit siling / (duit) kecil	(細かい)お金	軽 - ringan (tulisan TC) 細 - halus, kecil (tulisan TC) 小 - kecil 安 - tenteram / (hati yang menyenangkan)	b) 細かい	1. Kekeliruan terhadap tulisan, sebutan dan makna kedua-dua bahasa. a) 軽い - ringan c) 小さい - kecil d) 安い - murah
10.	masa lapang	暇	暇 - masa lapang 遐 - jauh 問 - tanya (tulisan TC) 間 - di tengah-tengah / penjodoh bilangan untuk bilik (tulisan TC).	a) 暇	1. Kekeliruan terhadap tulisan, sebutan dan makna kedua-dua bahasa. b) 遐 - tidak terdapat dalam KABJ c) 問 - 問い : soalan d) 間 - ruang antra 2 benda atau lebih / bilik.
11.	mudah, senang dan berguna, *convenient*	便利（な）	方便 - senang 便利 - mudah, senang Perkataan tersebut mempunyai makna yang hampir sama tetapi sebutan yang berbeza dan juga penggunaan kata yang berlainan.	c) 便利で	1. Kekeliruan terhadap tulisan, sebutan dan makna kedua-dua bahasa. 2. Tidak tahu pola pembentukan KABJ. a) 方便で- tidak terdapat dalam KABJ b) 方便な- tidak terdapat dalam KABJ d) 便利な- KABJ diguna apabila berfungsi sebagai penerang kepada KN.

12.	menarik, *interesting*	面白い	有趣- menarik, 'interesting' 面白 - tidak membawa makna dalam BM 趣味 - menarik 面百 - tidak membawa makna dalam BM	b) 面白い	1. Kekeliruan terhadap tulisan dan makna kedua-dua bahasa. a) 有趣い - tidak terdapat dalam KABJ c) 趣味い - tidak terdapat dalam KABJ d) 面百い - tidak terdapat dalam KABJ
13.	gelap	暗い	黒 - hitam 暗 - gelap	d) 暗く	1. Kekeliruan terhadap tulisan, sebutan dan makna kedua-dua bahasa. 2. Tidak tahu pola pembentukan KABJ. a) 黒い - hitam b) 黒く - hitam dalam bentuk adverba c) 暗い - gelap d) 暗く – gelap dalam bentuk adverba
14.	mengatuk, kelihatan mengantuk	眠い	寝 - tidur 睡 - tidur melelapkan mata 覚 - tidur 眠 – tidur Perkataan tersebut mempunyai makna yang hampir sama tetapi sebutan yang berbeza dan juga penggunaan kata yang berlainan.	d) 眠く	1. Kekeliruan terhadap tulisan, sebutan dan makna kedua-dua bahasa. a) 寝る - tidur/ membaring atas lantai b) 睡く - tidak terdapat dalam KABJ c) 覚く- tidak terdapat dalam KABJ
15.	muda	若い	少 - sedikit 幼 - kecil, mentah, belum matang. 小 - kecil	b) 若い	1. Kekeliruan terhadap tulisan, sebutan dan makna kedua-dua bahasa. a)い - tidak terdapat dalam KABJ. Tetapi, 少し bermaksud 'sedikit'. c) 幼い - muda, (budak) kecil/ tidak matang d) 小さい - kecil

Petunjuk:
KABJ : Kata adjektif bahasa Jepun TC : *Traditional Chinese*
KABC : Kata adjektif bahasa Cina SC : *Simplified Chinese*

Berdasarkan ujian yang ditanya dalam tulisan *Hiragana*, kesilapan-kesilapan responden dapat dianalisi dan dirumuskan seperti yang ditunjuk dalam Jadual 8.

Jadual 8: Kesilapan jawapan responden dalam makna, pembentukan dan penggunaan kata adjektif bahasa Jepun (tulisan *Hiragana* sahaja)

Kesilapan jawapan responden disebabkan oleh	**Contoh soalan & keterangan jawapan (Jawapan betul = jawapan yang dihitamkan)**	**Contoh no. soalan**
Keliru dan kurang mahir tentang peraturan-peraturan pola pembentukan dan cara penggunaannya: ✓ Penggabungan dan penggunaan KA dengan KAdv yang tidak betul.	1. これから _____ あつくなります。 *Kore kara _____ atsuku narimasu.* (Mulai sekarang akan_____panas.) a) あまり *amari* (tidak berapa) b) よく *yoku* (kerap) **c) だんだん *dandan* (semakin)** d) たくさん *takusan* (banyak)	No. 1 No. 15
Keliru dan kurang mahir tentang peraturan-peraturan pola pembentukan dan cara penggunaannya: ✓ Kekeliruan dalam memadankan KA dengan bahagian penambahannya.	2. あのこどもは、やさいがすき_____。 *Ano kodomo wa, yasai ga suki _____.* (Budak itu, _____ suka kepada sayur-sayuran.) **a) ではありません *dewa arimasen* (bahagian penambahan bagi bentuk negatif KA-Na)** b) くなかったです *kunakatta desu* (bahagian penambahan bagi bentuk negatif KA-I) c) はなかったです *wa nakatta desu* d) ではないでした *dewa naideshita* **Catatan:** 1. すき *suki* (suka) merupakan KA-Na. Jadi, bentuk negatif KA-Na untuk すき *suki* (suka) ialah すき**ではありません**。 2. No. c) dan d) sengaja mencampur-adukkan bahagian penambahan KA-Na dan KA-I yang bertujuan untuk menguji penguasaan responden terhadap pembentukan dan penggunaan KABJ.	No. 2 No. 6 No. 9
	14. きのう、からだのちょうしが_____。 *Kinou, karada no choushi ga _____.* (Semalam, keadaan badan _____.) a) わるいです *warui desu*. (bentuk KA-I) **b) わるかったです *warukatta desu.* (bentuk negatif kala lampau KA-I)** c) わるいじゃありません *warui jya arimasen.*	No. 8 No. 10

	d) わるいじゃありませんでした *warui jya arimasen deshita.* **Catatan:** 1. わるい *warui* (buruk, kurang sihat) merupakan KA-I. Jadi, bentuk negatif kala lampau KA-I merupakan jawapannya, iaitu きのう、からだのちょうしが**わるかったです** kerana soalan merujuk kepada perkara yang berlaku semalam. 2. No. c) dan d) sengaja mencampur-adukkan bahagian penambahan KA-Na dan KA-I yang bertujuan untuk menguji penguasaan responden terhadap pembentukan dan penggunaan KABJ.	
Keliru dan kurang mahir tentang peraturan-peraturan pola pembentukan dan cara penggunaannya: ✓ Tidak faham akan makna atau ayat soalan dan seterusnya menyebabkan kesilapan dalam memadankan KA dengan bahagian penambahannya.	13. あのかみが_____おんなのひとは、ははです。 *Ano kami ga _____no onna no hito wa, haha desu.* (Wanita yang berambut _____ itu, ibu saya.) **a) みじかい *mijikai* (pendek)** b) ちかい *chikai* (dekat) c) ひくい *hikui* (rendah) d) たかい *takai* (tinggi)	No. 4 No.13
Keliru dan kurang mahir tentang peraturan-peraturan pola pembentukan dan cara penggunaannya: ✓ Memadankan KA untuk KA-Na atau KA- I dengan penamabahan partikel / kata hubung yang salah.	12．_____ダイエットをしないでください。 _____daietto wo shinaide kudasai. (Jangan melakukan *diet* yang _____.) **a) むりな muri na** b) むりで muri de c) むりに muri ni d) むりの muri no **Catatan:** 1. むり *muri* (tidak rasional) merupakan KA-Na. Jadi, partikel yang diikutinya ialah **な na** dan jawapannya adalah **むりな**ダイエットをしないでください *muri na daietto shinaide kudasai*, iaitu jangan melakukan *diet* yang tidak rasional.	No. 5 No. 7 No. 11 No. 12
	3. _____カメラをかいます。 _____*kamera wo kaimasu.* Saya membeli kamera _____. a) やすいな yasui na **b) やすい yasui** c) やすいの yasui no d) やすくて yasui kute **Catatan:** 1. やすい *yasui* (murah) merupakan KA-I dan ia	No. 3

	tidak akan diikutinya dengan apa-apa partikel. Jadi, jawapannya adalah やすいカメラをかいます *yasui kamera wo kaimasu,* iaitu saya membeli kamera murah.	

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, Ujian T *(Paired Sample T-Test)* telah membuktikan bahawa tidak terdapatnya perbezaan yang signifikan antara menjawab soalan yang ditanya dalam kedua-dua bentuk tulisan Jepun itu, iaitu baik dalam tulisan gabungan Kanji (漢字) dengan Hiragana (ひらがな) ataupun tulisan Hiragana (ひらがな) dan responden adalah lemah dalam menjawab soalan-soalan ujian tersebut.

Walau bagaimanapun, kelemahan responden dalam menjawab soalan dengan memilih makna, pembentukan dan penggunaan kata adjektif bahasa Jepun yang sesuai adalah disebabkan oleh banyak faktor. Antara faktornya ialah responden keliru terhadap tulisan, sebutan dan makna kata adjektif kedua-dua bahasa. Ini adalah kerana tulisan, sebutan dan makna mempunyai hubungan yang signifikan dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Seperti yang diketengahkan oleh Coulmas (2003: 15), "Written signs represent sounds and meanings". Oleh yang demikian, tulisan, sebutan dan makna memainkan peranan penting dalam pembelajaran sesuatu bahasa, terutamanya bahasa asing. Selain itu, responden juga kurang mahir dan keliru tentang peraturan-peraturan pola pembentukan dan cara penggunaan kata adjektif bahasa Jepun kerana kata adjektif bahasa Jepun mempunyai pola pembentukan dan cara penggunaannya yang tersendiri lagi rumit. Di samping itu, responden juga dipengaruhi oleh pemindahan negatif *(negative transference)* semasa mempelajari leksis kata adjektif bahasa Jepun. Ini berlaku kerana terdapatnya sesetengah kata adjektif bahasa Jepun memiliki tulisan bahasa Cina yang sama tetapi berbeza dari segi sebutan, makna, dan juga pembentukan dan penggunaannya. Perbezaan antara bahasa ibunda, iaitu Cina dengan bahasa asing, iaitu Jepun telah menyulitkan pembelajaran bahasa Jepun dan seterusnya mengakibatkan berlakunya pemindahan negatif *(negative transfer)*. Oleh yang demikian, pelajar Cina perlulah mempunyai daya usaha dan komitmen yang tinggi untuk mempelajari makna, pembentukan dan penggunaan kata adjektif bahasa Jepun sekiranya inigin menguasainya dengan lebih baik dan mantap.

Penghargaan
Kertas kerja ini pernah dibentangkan di 6th Malaysia International Conference on Foreign Languages, Universiti Putra Malaysia.

Bibliografi

Coulmas, Florian. (2003). *Writing System: An Introduction To Their Linguistic Analysis.* Cambridge: Cambridge University Press.

Dimitrijevic, Naum. R. (1975). Problems And Implications Of Contrastive Analysis Of Vocabulary And Culture. *Constrative Analysis Of Vocabulary And Culture* , p.133-144.

Jackson, Howard. (1981). *Contrastive Analysis as a Predictor of Errors, with Reference to Punjabi leanrners of English.* London: Pergamon Press.

Kindaichi, Haruhiko. (2002). *Riyu Gaishuo* [Introduction to Japanese Language]. Beijing: Beijing Daxue Chubanshe.

Lado, Robert. (1957). *Linguitics Across Cultures.* Ann Arbor: University of Michigan Press.

Lin, Mengya. (2017). *关于中国日语学习者形容词谓语句的习得研究 [The Acquisition Study of Adjective-Predicate Structure Among Japanese Learners in China]*. Master Thesis. Hunan, China: Universiti Hunan.

Liu, Dan Qing. (2005). Xingrongci He Xingrongci Duanyu De Yanjiu Jiegou [The Research Structure Of Adjective And Adjective Phrase of Chinese]. *Minzhu Yuwen*, Volumn 5, p.28-38.

Liu, Hsieh. (1983). *The Literay Mind And The Carving Of Dragons.* Hong Kong: University Of Hong Kong Press.

Liu, Rong. (2011). *中国人日本語学習者の「一的」付き ナ形容詞の習得考察[The Investigation and Analysis of Japanese Adjective Among Japanese Learners in China]*. Master Thesis. Hunan, China: Hunan Normal University.

Lu, Bao Yuan. (2005). *Nihongo To Chuugokugo No Taishou Kenkyuu To Chuugokugo Kyouiku* [Comparative Study Of Japanese/ Chinese And The Chinese Language Education]. Beijing: Huayu Jiaoxue Chebanshe

Lu, Yin Qiu. (2006). Hanyu Siwei Dui Riyu Biaoda De Ganrao [Interference Of Chinese In Japanese Expression]. *Yuwen Xuekan* , Volume 10, p.7-10.

Matsunaga, Sachiko. (1999). Gaikokugo Toshite No Nihongo Shuutoku Ni Okeru Bogo Karino Kanji Chishiki No Teni [Knowledge Transfer Of Kanji Character From Mother Tongue In The Japanese Accquisition As Foreign Language]. *Seikai No Nihongo Kyouiku* , Volumn 9, p.87-100.

Minna No Nihongo (Elementary1-1). (2002). Tokyo: 3A Corporation.

Minna No Nihongo (Elementary1-2). (2002). Tokyo: 3A Corporation.

Ng, Chwee Fang (2019). Penguasaan Sebutan Kata Adjektif Bahasa Jepun Dalam Kalangan Pelajar Cina Di Sebuah IPTA Malaysia. *Jurnal Linguistik*. Vol. 23 (1) , p.1-15.

Norizan, Che Su. (2019). Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Pembinaan Struktur Ayat Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing. *Jurnal linguistik.* Vol. 22 (2) , p.10-19.

Qiu, Mei Shuang. (2007). Shilun Hanri Xingrongci De Yitong [The Difference of Adjective Between Chinese-Japanese] . *Nei Menggu Dianda Xuekan* , Vol (3), p.46-47.

Wang, Xiao Qiu. (1996). *Zhongri Wenhua Jiaoliu Shihua* [Culture Interaction of China-Jepun] . Beijing: Shangwu Yinshuguan.

Yamada, Jun. (1978-1979). Are Whole Word Kanji Easier To Learn Than Syallable Kana? *Reading Research Quarterly* , Vol.14 (1), p.88-99.

Yamato, Eriko. (2006). *BBJ 2401 Unit 1 - 10/10 Bahasa Jepun 1*. Selangor: Pro-Office Shoppe Sdn Bhd.

Yu, Nai Yao. (2006). *Hanzi De Gushi [The Story of Hanzi]*. Beijing: Zhongyang Bianyi Chubanshe.

Wikipedia, Japanese Language Proficiency Test. (2019). Retrieved from Wikipedia: https://en.wikipedia.org/wiki/Japanese-Language_Proficiency_Test

Biodata

Ng Chwee Fang (PhD), pensyarah kanan dari Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). Bidang penyelidikan beliau ialah Perbandingan Bahasa dan Psikolingustik.